

**TEKS UCAPAN ALUAN BRIG. JEN. DATO' PROF. DR.
KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSOLOR UniMAP BERSEMPENA DIALOG
PENYALAHGUNAAN DADAH IMTGT**

30 Januari 2011*Hotel Bayview Pulau Pinang

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam
Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Para pembentang kertas kerja, peserta dan perwakilan
Universiti Malaysia, Indonesia dan Thailand .

Y.Bhg. Dato'-Dato', Profesor-profesor, seterusnya, Tuan-tuan
dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama merafakkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah perkenanNya dapat kita berhimpun buat julung kalinya pada pagi ini, dalam suasana yang meriah dan semangat rumpun setiakawan di Majlis Penutup Dialog Penyalahgunaan Dadah Universiti Indonesia, Malaysia, Thailand - *Growth Triangle* (IMT-GT) anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis(UniMAP).

Semoga penganjuran majlis ini akan mendapat rahmat dari Allah memandangkan niat dan objektif penganjuran ini adalah untuk kebaikan kita bersama.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi mencapai matlamat "Mahasiswa Bebas Dadah 2015".

KPT dengan kerjasama pasukan penyelidik daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Sains Malaysia (USM) telah membiayai enam kajian penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar IPT bagi tempoh jangka panjang iaitu bagi tahun 2005 hingga 2010.

Kajian ini kemudiannya dilanjutkan kepada kajian pengaruh dadah di kalangan pelajar antarabangsa IPTA dan IPTS pada tahun 2010. Sesungguhnya, pengalaman meluas kebanyakan para penyelidik ini memberikan kepercayaan buat kami di KPT untuk menghulurkan pembiayaan. Apatah lagi kajian ini bakal memberikan manfaat yang cukup besar buat keseluruhan masyarakat Malaysia Amnya dan Pelajar-Pelajar IPT khususnya.

Saya dimaklumkan, kesimpulan atau dapatan daripada kajian ini menunjukkan bawahawa jumlah pengibatan pelajar IPTa mahupun IPTS adalah di bawah 1% dan bolehlah dicanangkan sebagai bebas dadah selaras dengan piawai yang ditetapkan oleh ASOD namun kita seharusnya tidak berbangga dengan dapatan kajian ini kerana pelajar di IPT adalah kesinambungan kepemimpinan Negara dan seharusnya mereka bebas 100% daripada gejala dadah.

Justeru, saya melihat penganjuran Dialog ini, dan kerjasama yang diwujudkan antara ketiga-tiga negara ini adalah sesuatu yang harus diteruskan. Tidak mustahil, selepas ini, kajian ini boleh dikembangkan lagi dalam skop dan konteks yang lebih meluas.

Saya juga amat tertarik dengan tema Tema perbincangan yang dipilih sepanjang dua hari ini iaitu 'Undang-undang dan Peraturan Penyalahgunaan Dadah di IPT', 'Status Semasa

Penyalahgunaan Dadah di IPT’, ‘Penyelidikan dan Pembangunan Pencegahan dan Pemulihan Dadah’ serta ‘Dadah dan Masalah Sosial’.

Sesungguhnya, pemilihan tema ini dibuat berikutan keyakinan kita bahawa usaha membasmi masalah penyalahgunaan dadah sehingga ke peringkat akar umbi hanya dapat diatasi menggunakan strategi yang holistik sahaja. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Secara umumnya menangani kes penagihan dadah ini bukannya sesuatu yang mudah kerana ianya melibatkan elemen ‘craving’ atau mengidam yang cukup tinggi. Selain itu, mereka juga menghadapi masalah pergantungan atau dependency terhadap bahan psikoaktif. Ditambah pula dengan sikap harga diri yang rendah dalam kalangan penagih menjadikan permasalahan penagihan dadah ini seperti tiada penghujungnya.

Kita semua sedar, masalah dadah ini melibatkan dua institusi iaitu ‘Supply’ (Penawaran) dan ‘Demand’ (Permintaan). Institusi Penawaran melibatkan penciptaan, pemprosesan, pembekalan, pengedaran dan pembentukan lingkungan rangkaian yang begitu meluas dan kompleks. Manakala

Institusi Permintaan pula melibatkan keperluan yang berskala besar, sederhana dan kecil-kecilan.

Apa yang jelas kesemuanya ini menyebabkan sebahagian besar masyarakat musnah dan sebahagian kecil sahaja yang berjaya mengaut keuntungan. Oleh itu, saya menyeru kepada semua marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk menangani masalah ini kerana masalah dadah bukan masalah orang lain, tetapi masalah yang mungkin melibatkan ahli keluarga kita sendiri. Penguatkuasaan undang-undang semata-mata tidak mampu untuk mengawal situasi ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bukan setakat ini sahaja usaha yang perlu kita laksanakan, sebaliknya ia harus diperhebat dan diperkasakan lagi. Jangan kita hanya duduk berpeluk tubuh melihat usaha yang bolehlah diibaratkan sekadar setitis embun sahaja.

Umpama di dalam satu pasukan, setiap individu mesti bersatu matlamat, bersama menyumbang dan menunjukkan skill dan kepakaran masing-masing untuk menjayakan hasrat bersama. Sumbangan mestilah secara zahir dan batin tidak boleh berkira dalam menyumbang dan mestilah disertai dengan tindakan yang bersungguh-sungguh.

Janganlah sentiasa melihat kesilapan orang lain tanpa menyedari kelemahan juga ada pada diri kita sendiri. Selagi

kita ikhlas mengurus dan menjayakan usaha membasmi penyalahgunaan dadah, akan ada insan-insan yang tetap menghargai kerana kita berkhidmat memanusiatekan manusia sebagai syarat mendapat kasih Yang Maha Esa Tuhan yang hakiki.

Biarlah dalam hidup ini kita dikenali sebagai manusia yang baik dan berbudi, disenangi, dirujuk, semua khidmat dan sumbangan akan dikenang menjadi warisan atau "legacy" sebagai penggerak dan pejuang anak bangsa membina negara yang dicintai ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada semua peserta dialog, marilah kita bersama-sama melaksanakan tanggungjawab kita untuk membantu usaha memerangi dadah. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke dialog ini telah menunjukkan kesedaran, kesediaan dan komitmen tuan-tuan untuk bersama-sama membantu kerajaan Negara masing-masing membanteras dadah.

Saya percaya, kerjasama dan sokongan padu semua akan merealisasikan matlamat untuk melahirkan mahasiswa yang bebas daripada dadah menjelang tahun 2015 khususnya di Negara-negara IMTGT.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini
MENUTUP SECARA RASMINYA **DIALOG PENYALAHGUNAAN**
DADAH IMTGT

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.